



Untuk Siaran Segera

LBS MUKTAMADKAN AGM KE-24 DENGAN SOKONGAN PADU

Kesemua 10 Resolusi Diluluskan

Petaling Jaya, 13hb Jun 2024 – LBS Bina Group Berhad (“LBS” atau “Kumpulan”), pemaju harta tanah terkemuka pilihan rakyat, hari ini mengumumkan bahawa keputusan Mesyuarat Agung Tahunan (“AGM”) ke – 24 telah dimuktamadkan dengan jayanya.

Penyata kewangan yang telah diaudit bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2023 (“FYE2023”) bersama-sama dengan Laporan Pengarah dan Juruaudit telah dibentangkan untuk pertimbangan dan seterusnya diterima oleh para pemegang saham Kumpulan. Kesemua 10 resolusi biasa yang dinyatakan di dalam Notis AGM juga telah diluluskan dengan sewajarnya oleh para pemegang saham, termasuk dividen satu peringkat akhir sebanyak 1.35 sen sesaham (“Dividen Akhir”) untuk FYE2023. Bersama-sama dengan dividen interim satu peringkat pertama sebanyak 1.35 sen sesaham (“Dividen Pertama”) yang diumumkan pada 17 April 2024, jumlah keseluruhan dividen LBS bagi FYE2023 adalah berjumlah 2.70 sen sesaham.

Dividen ini merupakan yang tertinggi pernah direkodkan berikutan prestasi kewangan LBS yang teguh dan konsisten. Dengan mengutamakan pencapaian keputusan yang mantap, LBS telah meraih pencapaian penting ini sekaligus menunjukkan komitmen mereka untuk menyampaikan nilai yang besar kepada para pemegang saham di samping imbuhan ganjaran di atas kepercayaan dan keyakinan pelabur.

Dividen Pertama dan Dividen Akhir akan dibayar masing-masing pada 16hb Julai 2024 dan 12hb September 2024 kepada pemegang saham yang namanya tertera dalam Rekod Pendeposit LBS pada 28hb Jun 2024 dan 30hb Ogos 2024.

Pengerusi Eksekutif Kumpulan LBS, Tan Sri Ir. (Dr.) Lim Hock San mengulas, "Kelulusan resolusi AGM ke-24 ini mencerminkan prospek positif di kalangan pemegang saham serta Lembaga Pengarah. Keputusan sebulat suara ke atas kesemua resolusi merupakan bukti tadbir urus kukuh, visi yang strategik serta prestasi mantap kewangan Kumpulan. Ahli lembaga pengarah turut berterima kasih kepada para pemegang saham di atas sokongan yang tidak berbelah bahagi dan berharap agar kejayaan dan pulangan yang lebih baik akan turut diperoleh pada tahun berikutnya."

"Setakat 31hb Mei 2024, LBS telah mencatatkan jualan belum dibil sebanyak RM1.71 bilion yang turut diiktiraf secara progresif pada tahun-tahun akan datang. Bersandarkan keluasan bank tanah sebanyak 2,661 ekar, LBS akan terus memacu pertumbuhan dan keuntungan, di samping memberi komitmen untuk memaksimumkan nilai pemegang saham sekaligus memberikan pulangan jangka panjang yang lestari. LBS telah melancarkan 3 projek baharu, iaitu D'Island Residence, Alam Perdana Central Hub dan Bandar Saujana Putra. Ketiga-tiga projek ini mempunyai nilai gabungan sebanyak RM1.1 bilion.

"LBS akan terus berusaha untuk mencapai dan mengekalkan kejayaan. Dengan visi yang jelas, strategi yang kukuh dan komitmen terhadap kecemerlangan, saya yakin Kumpulan akan mencapai tahap yang lebih tinggi di masa akan datang. Dedikasi LBS terhadap nilai-nilai sosial serta pemuliharaan alam sekitar, adalah selaras dengan komitmen berterusannya untuk menerapkan kelestarian ke dalam model perniagaan. Usaha ini bukan sahaja memperkuatkan tanggungjawab sosial korporat, malah iaanya memberi manfaat jangka panjang untuk alam sekitar selain dari meningkatkan daya saing pasaran," tambah Tan Sri.

-Tamat-